

Headline	Sumber biologi simpan maklumat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	7	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	223 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,407
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,222



## Sumber biologi simpan maklumat

KELUASAN hutan yang dimiliki negara ibarat sebuah makmal yang menawarkan banyak penyelidikan mencakupi pelbagai aspek sama ada melibatkan pokok hutan dan juga herba yang terdapat di dalamnya.

Namun demikian, FRIM tidak sewenang-wenangnya memanipulasi sumber hutan tersebut sebaliknya menubuhkan unit-unit tertentu yang fungsinya menyimpan rekod dan khazanah dalam bentuk dokumen.

Sebab itu, FRIM menubuhkan Bahagian Hasil Semulajadinya yang memfokuskan kepada kajian sumber-sumber hutan dan pelbagai bahagian lain yang mana FRIM mempunyai kekuatan.

Satu daripada Unit di bawah Bahagian Hasil Semulajadi ialah Program Sumber Biologi yang berfungsi sebagai pusat dokumentasi dan pengumpulan maklumat mengenai herba tempatan, khasiatnya dan penggunaan yang diamalkan selama ini termasuk menerusi kaedah tradisional.

Menurut Ketuanya, **Mohd Shahidan Mohd Arshad**, antara fungsi Program Sumber Biologi diwujudkan ialah sebagai pengumpul maklumat sejarah penggunaan herba tempatan termasuk kaedah tradisional dan juga memulihara sumber

herba yang sedia ada.

"Kami berfungsi sebagai tempat aktiviti mengecam, mengenal pasti spesies herba tempatan untuk dijadikan sumber rujukan oleh pihak lain," ujarnya ketika ditemui di Kepong baru-baru ini.



**MOHD. Shahidan Mohd. Arshad** (kiri) menunjukkan herba daripada hutan yang ditanam di bawah Program Sumber Biologi.

Shahidan berkata, antara objektif Program Sumber Biologi Bahagian Hasil Semulajadi FRIM ialah:

- Dokumentasi - Menyimpan rekod atau dokumentasi maklumat tradisional khasiat herba tempatan serta pemuliharaan sumber biologi.
- Pengecaman dan identifikasi spesies herba dalam aspek taksonomi dan morfologi.
- Pendidikan mengenai kepentingan herba. Ini termasuk mengadakan lawatan dan kursus mengenai herba ke Taman Etnobotani FRIM yang diwujudkan untuk individu dan pengunjung yang ingin tahu lebih lanjut mengenai tumbuhan herba.

Mohd Shahidan berkata, memupuk kesedaran awam mengenai kepentingan herba amat penting supaya mereka menghargainya.

Pada masa ini terdapat 1,200 spesies herba yang telah dipencilkan disimpan di FRIM.

Pada 1998, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) yang mengenal pasti 11 tumpuan atau area.

Dalam pada itu Bahagian Hasil Semulajadi juga perlu menumpukan kepada mikrob dalam hutan dan tidak kepada tumbuhan semata-mata.

Antara ujian yang biasa digunakan ialah bioassay atau pencerakinan biologi iaitu senarai ujian yang digunakan untuk menguji sampel atau ekstrak.